

Kekurangan diri bukan penghalang

(1 Ogos 2022) Sinar Harian, PG



Mohd Radzi (kiri) dan Wan Effendi (dua dari kanan) bersama rakan-rakan turut menyertai Fun Walk Sinar Harian 16 pada Ahad.

Golongan OKU berkerusi roda seronok jalani aktiviti bersama warga kota

SHAH ALAM

Kekurangan diri bukan penghalang buat peserta berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) untuk turut serta dalam program Fun Walk Sinar Harian 16 pada Ahad.

Peserta, Wan Effendi Sodikin, 34, berkata, walaupun menaiki kerusi roda, dia dan rakan-rakannya tetap seronok menyertai program tersebut kerana memberi banyak manfaat termasuk memupuk komuniti sihat.

"Saya ambil motivasi daripada rakan-rakan lain sebab aktiviti ini boleh membantu menguatkan lengan berbanding hanya duduk rumah, jadi lemah sebab tidak berbuat apa-apa."

"Janganlah jadikan status

OKU ini sebagai penghalang untuk kita mendekatkan diri dengan masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Ulas Wan Effendi, sokongan daripada rakan-rakan juga amat penting kerana ia menjadi pembakar semangat untuk golongan seperti mereka lebih aktif sertai program aktiviti lasak.

"Kadangkala ada orang tidak boleh tolak (bergerak) jauh, tetapi apabila pergi dengan kawan-kawan, kita jadi lebih semangat."

"Kalau seorang diri memang kita segan dan malu tetapi bila dengan rakan-rakan, akan lebih seronok."

"Kawan-kawan akan dorong supaya kita sertai aktiviti. Jika seorang diri, saya rasa ia mustahil," ujarnya.

Seorang lagi peserta OKU, Mohd Radzi Irfan, 30, berkata, tidak ada masalah untuk golongan OKU menyertai program sukan seperti Fun Walk Sinar Harian 16.

"Suasana kali ini lebih ramai daripada yang sebelum ini."

"Acara seperti ini adalah aktiviti yang sihat sebenarnya sekali gus boleh menaikkan motivasi kami (golongan OKU) untuk bercampur gaul dengan orang lain."

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pun melaksanakan tugas yang bagus dalam mengawal serta menutup jalan untuk memberi laluan kepada aktiviti ini," ujarnya.

Sinar Harian sebagai sebuah akhbar dekat dengan masyarakat menganjurkan program kecergasan dinamakan Fun Walk Sinar Harian 16 sempena ulang tahun penerbitannya pada 31 Julai.

Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkrif, Farah Hussamuddin berkata, program yang berkonsepkan manfaat masa bersama keluarga dengan aktiviti kecergasan pada hujung minggu itu adalah antara program utama sambutan ulang tahun ke-16 *Sinar Harian* dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat.



[KLIK]

JALAN SANTAI 5KM...

Dari kiri: Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin; Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar; Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar tidak melepaskan peluang menyertai acara Fun Walk Sinar Harian 16 yang bermula di Dataran DBKL pada Ahad.